

20 DEC 1997

Mahathir-Dagangan

MALAYSIA DAN NEGARA ASEAN KURANGKAN BELI BARANG DARI LUAR ASEAN

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia dan negara-negara anggota Asean akan mengurangkan pembelian barangan dari luar rantau ini sebagai langkah mengurangkan kesan kejatuhan nilai mata wang negara-negara anggota.

"Ini bukanlah satu "economic nationalism", sebaliknya ia merupakan tindakan yang terpaksa diambil oleh kita kerana kita tidak mempunyai tukaran asing yang mencukupi," katanya.

Beliau yang bercakap pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno berkata, langkah itu adalah selaras dengan keputusan yang dibuat pada sidang kemuncak tidak rasmi Asean di sini baru-baru ini untuk meningkatkan dagangan di kalangan negara-negara anggota pertubuhan itu.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, negara-negara anggota Asean telah bersetuju untuk meningkatkan dagangan sesama negara anggota dengan menggunakan matawang sendiri dan secara kontra dalam perdagangan itu.

Selain itu katanya, Malaysia akan menjalankan kempen untuk menggalakkan masyarakat negara ini membeli barangan buatan negara ini dan akan menekankan supaya barangan terbabit dilabelkan dengan "Buatan Malaysia" (Made In Malaysia) dan "Buatan Asean" (Made in Asean) jika ia dieksport ke negara anggota agar ia mudah diketahui oleh pembeli.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan akan menjalankan kempen penerangan untuk menjelaskan kepada rakyat mengenai kesan kejatuhan nilai mata wang kepada masyarakat.

Kempen itu akan turut menggunakan saluran radio, televisyen dan akhbar serta program-program tertentu.

Dr Mahathir berkata pada masa ini, banyak orang yang masih tidak faham mengenai dagangan mata wang dan kesan kejatuhan nilainya.

Katanya pada masa ini kerajaan tidak membuat keputusan mengenai langkah-langkah baru bagi menangani masalah ekonomi yang sedang dihadapi negara selain daripada langkah-langkah yang telah diumumkan.

Perdana Menteri juga berkata, kabinet tidak akan bermesyuarat sehingga Januari ini kerana kebanyakan daripada jemaah menteri bercuti. -- BERNAMA

AFY/AH RI RON